



**SIARAN AKHBAR
JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**KES TANGKAPAN POS KAWALAN SUNGAI TUJOH DAN
KAMPONG PINTU MALIM**

1. Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) telah berjaya membanteras aktiviti penyeludupan barang-barang tegahan Kastam melalui pemeriksaan di laluan masuk Pos Kawalan Sungai Tujoh dan gerakan operasi Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang di Kawasan Kampong Pintu Malim.
2. Pada hari Rabu, 16 Oktober 2024, hasil pemantauan dan pemeriksaan pegawai-pegawai JKED di Pos Kawalan Sungai Tujoh telah berjaya menumpaskan satu percubaan menyeludup barang-barang tegahan dengan menahan seorang lelaki Penduduk Tetap berumur 34 tahun. Barang-barang tegahan yang dirampas adalah:
 - i. 150 karton rokok;
 - ii. 948 tin minuman keras; dan
 - iii. Sebuah kenderaan yang digunakan membawa barang-barang tegahan tersebut.
3. Pada hari yang sama, satu operasi gerakan operasi telah dilaksanakan oleh pegawai-pegawai Penguatkuasaan JKED di kawasan Kampong Pintu Malim, Brunei Muara, berjaya menahan seorang lelaki warga tempatan berumur 25 tahun dan seorang lelaki warganegara asing berumur 34 tahun. Barang-barang tegahan yang dirampas adalah:
 - i. Satu bungkusan mengandungi bahan yang disyaki dadah yang terkawal;
 - ii. 1,724 karton rokok; dan
 - iii. 2 buah kenderaan yang digunakan membawa barang-barang tegahan tersebut.
4. Kesemua barang-barang terbabit telah dirampas dan individu-individu terlibat telah dibawa ke Pejabat Penguatkuasaan Undang-Undang, JKED untuk siasatan lanjut. Manakala bungkusan yang disyaki dadah terkawal telahpun diserahkan kepada pihak Biro Kawalan Narkotik untuk siasatan dan tindakan lanjut agensi berkenaan.
5. JKED ingin menasihatkan kepada orang ramai agar sentiasa mematuhi mana-mana perundangan Negara ini dan menghindari dari melakukan kegiatan-kegiatan penyeludupan atau membawa masuk dan keluar barang-barang tegahan, sekatan dan juga larangan Kastam. Memiliki barang-barang tegahan Kastam adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 140, Perintah Kastam 2006 atau Seksyen 146, Perintah Eksais 2006.

6. JKED turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada orang ramai yang telah memberikan kerjasama dengan menyalurkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan aktiviti menyalahi perundangan dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh JKED. Orang ramai dialu-alukan untuk mengongsikan maklumat berkaitan apa jua kegiatan penyeludupan barang-barang tegahan Kastam atau apa jua aktiviti yang menyalahi perundangan Kastam dengan menghubungi JKED di talian utama JKED: 8714422/8721422 atau ke pejabat Kastam yang berdekatan. Pihak JKED juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.

Disediakan oleh:
Jabatan Kastam dan Eksais Diraja
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam
Emel: info@cutsoms.gov.bn

Rujukan: ENF/PR/4/2024
Tarikh: 17 Oktober 2024

GAMBAR BARANG RAMPASAN DI POS KAWALAN SUNGAI TUJUH



**GAMBAR BARANG RAMPASAN DI KAWASAN
KAMPONG PINTU MALIM**

